



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

---

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025

---

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
  - 2 *Jawab semua soalan.*
  - 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
  - 4 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1 Antara yang berikut, manakah merupakan organisasi bermotifkan untung?

- I Yayasan Negeri Sembilan
- II Klinik Wang dan Wong
- III Raja Gopal Enterprise
- IV Majlis Belia Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Pernyataan berikut berkaitan satu bentuk pemilikan perniagaan.

Encik Mainoor bersama-sama ahli Kelab Sukan Komuniti kawasannya bercadang menubuhkan sebuah perniagaan yang menggabungkan ciri-ciri perkongsian dengan Syarikat Sendirian Berhad.

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
- B Usaha sama
- C Perkongsian Berhad
- D Perkongsian Liabiliti Terhad

3 Antara yang berikut, manakah ciri-ciri perkongsian liabiliti terhad?

- I Perniagaan dan pemilik adalah entiti berasingan
- II Kerugian melibatkan harta peribadi pekongsi
- III Pemegang saham tidak melebihi 50 orang
- IV Jangka hayat perniagaan berterusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk perniagaan lain.

Encik Irfan pemilik perniagaan Ayam Rendang *Cheese* telah menjual hak kebenaran menjalankan perniagaannya kepada usahawan lain di seluruh negara.

Apakah peranan Encik Irfan dalam situasi tersebut?

- A Membuat bayaran dalam bentuk fi
- B Membekalkan sumber tenaga manusia
- C Memberikan modal dalam bentuk dana
- D Merancang strategi pemasaran bersepadu

- 5 Rajah 1 berkaitan sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah ciri yang berkaitan dengan X?

- A Bentuk milikan perniagaan persendirian
- B Pertubuhan badan-badan kebajikan
- C Penawaran barang secara percuma
- D Bayaran perkhidmatan yang rendah


- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.

- Peningkatan dalam sektor perindustrian negara
- Mengurangkan kebergantungan kepada barang import

Tahun bilakah perkembangan tersebut berlaku?

- A 1950-an
- B 1960-an
- C 1990-an
- D 2000-an

- 7 Rajah 2 menunjukkan perkaitan antara penawaran, bentuk pemilikan, klasifikasi dan skala perniagaan.



Rajah 2

Antara yang berikut, manakah pernyataan yang **betul** berkaitan rajah 2?

- I Perniagaan perkhidmatan boleh diklasifikasikan sebagai sektor sekunder
- II Saiz sesebuah perniagaan boleh ditentukan melalui jenis skala perniagaan
- III Pemilikan perniagaan boleh berubah apabila saiz perniagaan bertambah besar
- IV Milikan tunggal boleh menawarkan perniagaan menjual barang dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Apakah pelepasan cukai yang diberikan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan berasaskan bahan mentah tempatan?

- A Elaun pelaburan semula
- B Pengecualian cukai
- C Potongan cukai
- D Elaun cukai pelaburan

- 9 Logo 1 berkaitan dengan sebuah agensi yang terlibat dalam aspek perkembangan perniagaan.



Logo 1


- Apakah peranan agensi tersebut?
- A Memperkenalkan teknologi baharu bagi meningkatkan keluaran
  - B Membangunkan kawasan perdagangan baharu di luar negara
  - C Menyediakan kursus bagi meningkatkan kualiti pekerja
  - D Memastikan kualiti pengeluaran produk bermutu tinggi
- 10 Apakah jenis pengangguran yang dapat diatasi dengan pelaksanaan dasar fiskal?
- A Pengangguran kitaran
  - B Pengangguran struktur
  - C Pengangguran bermusim
  - D Pengangguran geseran
- 11 Antara yang berikut, manakah kesan deflasi?
- I Kuasa beli penduduk menurun
  - II Eksport bahan mentah bertambah
  - III Pendapatan boleh guna meningkat
  - IV Bilangan sumber manusia berkurang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 12 Situasi manakah yang berkaitan dengan faktor dalaman?
- A Penggunaan robot dalam operasi
  - B Pendaftaran perniagaan melalui SSM
  - C Perniagaan membuat pelaburan baharu
  - D Penawaran produk mengikut tahap umur

- 13 Manakah yang **betul** berkaitan visi?
- A Pembentukan maklumat yang khusus
  - B Penetapan sasaran jangka masa pendek
  - C Pernyataan ringkas menjelaskan tujuan
  - D Panduan dalam membuat keputusan
- 14 Pernyataan berikut berkaitan ciri objektif perniagaan.

Pencapaian sebelum dan selepas dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif

Apakah ciri objektif tersebut?

- A Boleh dicapai
  - B Spesifik
  - C Munasabah
  - D Boleh diukur
- 15 Rajah 3 menunjukkan situasi titik pulang modal.




Rajah 3

Apakah kesan kepada perniagaan jika pengeluaran tidak mencapai kuantiti W?

- A Kos berubah malar untuk pengeluaran
- B Jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- C Jumlah kos melebihi jumlah hasil
- D Kos tetap pengeluaran berkurang

16 Rajah 4 berkaitan maklumat jualan sebuah perniagaan.



Rajah 4

Apakah kesan daripada pencapaian tersebut?

- A Kos tetap yang ditanggung semakin meningkat
- B Populariti perniagaan semakin merosot
- C Berlaku peningkatan dalam kerugian
- D Operasi perniagaan akan ditutup


17 Manakah yang merupakan peranan bahagian fungsian kewangan?

- A Menyediakan perancangan belanjawan
- B Membuat pesanan pembelian bahan mentah
- C Menerima sebut harga daripada pembekal
- D Menetapkan harga jualan produk

18 Apakah yang perlu dilakukan oleh pengurus pemasaran berkaitan sasaran pasaran?

- A Memberikan perhatian kepada bakal pengguna produk yang baharu
- B Meletakkan penetapan nilai yang bersesuaian dengan kualiti produk
- C Mempromosikan produk terkini melalui pelbagai medium pemasaran
- D Menentukan saluran agihan yang sesuai agar pelanggan menerima produk

- 19 Rajah 5 berkaitan dengan satu proses dalam bahagian fungsian.



Rajah 5

Apakah yang berlaku pada proses X?

- A Memastikan produk berkualiti
  - B Mengukur cita rasa pengguna
  - C Mengekstrak bahan mentah
  - D Melaksanakan kawalan utiliti
- 20 Gambar 1 berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.




Gambar 1

Apakah kelemahan penggunaan aplikasi tersebut dalam perniagaan?

- I Pasaran pelanggan luas
  - II Komen negatif terhadap produk
  - III Terdedah kepada risiko penipuan
  - IV Kos promosi terlalu mahal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 21 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan pembentukan persekitaran kerja yang positif?
- I Meningkatkan produktiviti dalam perniagaan
  - II Memastikan kemahiran dalam tugas meningkat
  - III Menawarkan kontrak pekerjaan yang sesuai
  - IV Menggalakkan pembentukan idea baharu
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 22 Apakah kelebihan mengambil pekerja baharu yang berpengetahuan tentang sesuatu produk?
- A Mudah memasarkan barangan kepada pelanggan
  - B Dapat memudahkan urusan kenaikan pangkat
  - C Dapat menetapkan sasaran untung perniagaan
  - D Mudah memberikan arahan kepada pengurusan
- 23 Rajah 6 berkaitan dengan satu struktur organisasi.



Rajah 6

- Apakah struktur organisasi tersebut?
- A Struktur organisasi berdasarkan matriks
  - B Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
  - C Struktur organisasi berdasarkan fungsi
  - D Struktur organisasi berdasarkan wilayah
- 24 Pernyataan berikut berkaitan dengan faedah penggajian.

Syarikat Wanija menyediakan ganjaran dalam bentuk wang tunai kepada pekerja berdasarkan jumlah jualan yang dilakukan.

Apakah jenis faedah tersebut?

- A Upah
- B Elaun
- C Bonus
- D Komisen


- 25 Petikan akhbar berikut berkaitan dengan faktor penentu penggajian.

|                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | Tidak lama lagi Malaysia bakal menyaksikan satu lagi perubahan besar dengan kenaikan gaji minimum daripada RM1500 kepada RM1700 sebulan mulai 1 Februari 2025. Kenaikan gaji minimum berkenaan antara lain bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan jurang antara golongan berpendapatan rendah dan sederhana. |
|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

*Petikan keratan akhbar Sinar Harian 11 Jan 2025*

Apakah faktor penentu tersebut?

- A Jenis-jenis tugas
  - B Undang-undang
  - C Ganjaran pesaing
  - D Penawaran buruh
- 26 Gambar 2 menunjukkan sejenis sumber dalam perniagaan.



Gambar 2

Apakah tujuan mengurus sumber tersebut?

- A Mengelak berlakunya cetak rompak
- B Memastikan penggunaan lebih lama
- C Memperoleh ganti rugi atas kerosakan
- D Mendapatkan perlindungan undang-undang

27 Gambar 3 berkaitan sejenis sumber teknologi.



Gambar 3

Apakah tujuan penerbit melakukan prosedur mengurus bagi sumber tersebut?

- A Mendapatkan kebenaran memasarkan stok ke seluruh negara  
B Memperoleh kelulusan untuk menjual dengan harga atas kos  
C Mendapatkan hak penjiagaan reka bentuk yang dihasilkan  
D Memperoleh hak perundangan ke atas hasil kreativiti

28 Manakah yang merujuk kepada perjanjian bertulis antara pemilik dan pengguna perisian?

- A C



- B

**Tanah Airiku**

Do = Des  
4/4 Larghetto

Des Sus

(1) Tan a-hi a - ri - ku - di-ku la-ku-hu-ku. Ku-ri-ku-ku sang su-ku-ku la-ku-hu-ku.

(2) Wa-hu-hu hu-ku su-ku ku-ku la-ku-hu-ku. Ku-ri-ku-ku per-ku di-ku su-ku sang.

Bu-ri-an-ku su-ri-ku 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Ti-ti-pi kun-yang 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20

Ti-ti-pi kun-yang 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30

- D

**PEMAJU MAHLIGAI INDAH**



- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.


Syarikat AG Berhad memerlukan sebuah jentera untuk tempoh lima bulan bagi satu projek khas tanpa perlu menanggung kos penyelenggaraan. Selain itu, syarikat juga berhasrat menambah modal melalui pelaburan orang awam.

Antara yang berikut, sumber pembiayaan manakah yang terlibat?

- I Pajakan
- II Syer
- III Sewa beli
- IV Rizab

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Apakah prosedur yang **betul** bagi memohon sumber pembiayaan?



- 31 Butiran manakah yang meningkatkan kos belian dalam penyata pendapatan?

- A Inventori awal
- B Belanja insurans
- C Angkutan masuk
- D Komisen diterima

- 32 Apakah kegunaan penyata kewangan sesebuah perniagaan kepada vendor?

- A Membuat pertimbangan bayaran ganjaran yang sesuai
- B Menilai keupayaan perniagaan membayar semula hutang
- C Menjangka jumlah pulangan atas modal yang dilaburkan
- D Membanding prestasi kewangan dengan tahun sebelumnya

- 33 Apakah tafsiran bagi peratus untung tokokan sebanyak 35%?
- A Harga jualan ditetapkan dengan menambah sebanyak 35% pada kos
  - B Untung kasar perniagaan diperoleh sebanyak 35% daripada jualan
  - C Untung bersih perniagaan diperoleh sebanyak 35% daripada jualan
  - D Harga jualan ditetapkan dengan menambah sebanyak 35% pada belian
- 34 Butiran berikut diambil daripada maklumat kewangan Syarikat Ghadura Sendirian Berhad.

|                        | RM     |
|------------------------|--------|
| Aset bukan semasa      | 80 000 |
| Aset semasa            | 60 000 |
| Liabiliti bukan semasa | 40 000 |
| Liabiliti semasa       | 20 000 |
| Untung bersih          | 12 000 |

Berapakah nisbah semasa?

- A 2:1
  - B 3:1
  - C 4:1
  - D 5:1
- 35 Situasi yang manakah menggambarkan stok bergerak perlahan?
- A Siva merupakan pembekal produk cucian pakaian di pekan Rembau
  - B Halimah menjual hasil sayur-sayurannya di pasar tani setiap hari
  - C Wirda adalah pembekal itik sejuk beku di sekitar Senawang
  - D Chong menjual perabot yang diperbuat daripada kayu jati
- 36 Gambar 4 berkaitan sebuah perniagaan.




Gambar 4

Apakah akta yang berkaitan dengan prosedur penubuhan perniagaan tersebut?

- A Akta Koperasi 1993
- B Akta Perkongsian 1961
- C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

37 Rajah 7 berkaitan dengan prosedur pendaftaran sebuah perniagaan.



Rajah 7

Apakah borang yang perlu dilengkapkan pada prosedur Y?

- A Borang PNA 42
- B Borang A
- C Borang D
- D Borang 13A

38 Antara yang berikut, manakah dokumen yang terlibat dalam rekod jualan kredit?

- I Resit
- II Invois
- III Baucar
- IV Bil tunai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Maklumat diambil daripada satu penyata kewangan sebuah perniagaan.

**KEDAI BUKU FADEYKA**  
Penyata Aliran Tunai bagi bulan berakhir 31 Januari 2025

| <b>Butiran</b>           | <b>Januari (RM)</b> |
|--------------------------|---------------------|
| Baki b/b                 | 5 000               |
| <b>Penerimaan</b>        |                     |
| Modal                    | 40 000              |
| Jualan tunai             | 10 000              |
| <b>Jumlah penerimaan</b> | 50 000              |
| <b>Pembayaran</b>        |                     |
| Belian tunai             | 3 400               |
| Gaji                     | 3 000               |
| Kadar bayaran            | 500                 |
| <b>Jumlah pembayaran</b> | 6 900               |
| Lebihan / (Kurangan)     | <b>J</b>            |
| Baki h/b                 | <b>K</b>            |
|                          |                     |

Berapakah nilai **K**?

- A RM 38 100
- B RM 43 100
- C RM 48 100
- D RM 61 900

Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual yang diberikan.

| <b>Pilihan</b> | <b>Pernyataan I</b> | <b>Pernyataan II</b> |
|----------------|---------------------|----------------------|
| A              | Betul               | Salah                |
| B              | Salah               | Betul                |
| C              | Betul               | Betul                |
| D              | Salah               | Salah                |

- 40 **Pernyataan I**

Spesifikasi tugas bagi pengurus perlu dinyatakan secara terperinci dalam rancangan operasi.

**Pernyataan II**

Senarai mesin dan peralatan yang digunakan dalam proses pengeluaran dinyatakan dalam rancangan pentadbiran.

**KERTAS SOALAN TAMAT**